KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

# KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

## Dokumen Penjajaran Kurikulum

# SEJARAH

## TINGKATAN 5

### EDISI 2

## KATA PENGANTAR



Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan penjajaran kurikulum selaras dengan pengumuman pembukaan semula sekolah berdasarkan Takwim Persekolahan 2020 yang dipinda. Pada ketika itu, Kandungan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah dijajarkan bagi tujuan kegunaan pengajaran dan pembelajaran bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid yang terkesan lanjutan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Susulan penutupan semula sekolah sepenuhnya mulai 9 Novermber 2020, sekolah telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) sehingga hari terakhir persekolahan bagi tahun 2020. Meskipun guru telah berusaha untuk melaksanakan PdPR, namun masih terdapat cabaran dari aspek pelaksanaannya yang akan memberi implikasi terhadap pembelajaran murid pada tahun 2021. Sehubungan dengan itu, KPM telah memutuskan untuk meneruskan pelaksanaan Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 bagi tahun 2021.

Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 merupakan usaha KPM bagi membantu guru untuk memastikan kelangsungan pembelajaran murid dilaksanakan. Kurikulum yang dijajarkan ini bukanlah kurikulum baharu, tetapi kurikulum sedia ada yang disusun semula berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM serta ditambah baik daripada dokumen penjajaran kurikulum sebelumnya. Kandungan kurikulum disusun berdasarkan kandungan asas yang perlu dikuasai oleh murid. Manakala, kandungan tambahan dan pelengkap perlu diajar bagi menyokong keseluruhan pembelajaran sesuatu mata pelajaran yang boleh dilaksanakan melalui pelbagai kaedah dan teknik pembelajaran.

Harapan KPM agar guru dapat terus merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pada tahun 2021 dengan lebih berkesan. KPM juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan kurikulum yang dijajarkan.

**Dr. LATIP BIN MUHAMMAD**
Timbalan Pengarah Kanan
(Kluster Dasar dan Sains & Teknologi)
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

<table>
<tr><th colspan="2" rowspan="2">Tajuk</th><th colspan="6">Standard Pembelajaran</th><th rowspan="2">Peruntukan Masa</th></tr>
<tr><th colspan="2">Kandungan Asas</th><th colspan="2">Kandungan Tambahan</th><th colspan="2">Kandungan Pelengkap</th></tr>
<tr><td>11.</td><td>KEMERDEKAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU</td><td>S11.1<br>S11.1.1<br>S11.1.2<br>S11.1.3<br>S11.1.4<br>S11.1.5<br><br>S11.2<br>S11.2.1<br>S11.2.2<br>S11.2.3</td><td>Usaha-usaha ke Arah Kemerdekaan<br>Memerihalkan latar belakang idea negara merdeka.<br>Menerangkan penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum.<br>Menjelaskan pembentukan Sistem Ahli.<br>Menjelaskan sistem pendidikan kebangsaan.<br>Menghuraikan penubuhan parti-parti politik.<br><br>Pilihan Raya<br>Memerihalkan perkembangan pilihan raya di Persekutuan Tanah Melayu.<br>Menerangkan proses Pilihan Raya Umum Pertama.<br>Menjelaskan penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan.</td><td>S11.1<br>SK11.1.6<br>SK11.1.7<br>SK11.1.8<br>SK11.1.9<br><br>S11.2<br>SK11.2.5<br>SK11.2.6</td><td>Usaha-usaha ke Arah Kemerdekaan<br>Menerangkan kepentingan mempertahankan kedaulatan negara.<br>Menghuraikan kepentingan permuafakatan dalam menjamin keharmonian masyarakat.<br>Membahaskan kepentingan pendidikan untuk kesejahteraan negara.<br>Mentafsir kepentingan berorganisasi dalam perjuangan.<br><br>Pilihan Raya<br>Menjelaskan kepentingan integriti dan jati diri dalam kehidupan harian.<br>Menjelaskan kepentingan pilihan raya sebagai lambang demokrasi.</td><td></td><td></td><td>6 jam</td></tr>
</table>

| Tajuk | | Standard Pembelajaran | | | | | | Peruntukan Masa |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Kandungan Asas | | Kandungan Tambahan | | Kandungan Pelengkap | | |
| | | S11.2.4 | Menghuraikan peranan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu. | SK11.2.7<br><br><br>SK11.2.8 | Menghuraikan kepentingan kepemimpinan yang berwibawa.<br>Mentafsir kepentingan perkongsian kuasa dalam kalangan masyarakat berbilang kaum. | | | |
| | | **S11.3**<br><br><br>S11.3.1<br><br>S11.3.2<br><br><br>S11.3.3<br><br><br><br>S11.3.4 | **Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957**<br><br>Menjelaskan usaha-usaha rundingan kemerdekaan.<br>Menghuraikan peranan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.<br>Menerangkan langkah penggubalan perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.<br>Menghuraikan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu. | **S11.3**<br><br><br>SK11.3.5<br><br><br>SK11.3.6<br><br><br>SK11.3.7<br><br><br>SK11.3.8 | **Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957**<br>Menerangkan kepentingan menghormati keputusan pemimpin negara.<br>Menghuraikan kepentingan permuafakatan untuk kestabilan negara.<br>Membahaskan kepentingan sikap keterbukaan untuk kemajuan negara.<br>Mentafsir kepentingan menjunjung keluhuran perlembagaan. | | | |

| Tajuk | | Standard Pembelajaran | | | | | | Peruntukan Masa |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Kandungan Asas | | Kandungan Tambahan | | Kandungan Pelengkap | | |
| | | **S11.4** | **Pemasyhuran Kemerdekaan Tanah Melayu** | **S11.4** | **Pemasyhuran Kemerdekaan Tanah Melayu** | | | |
| | | S11.4.1 | Menjelaskan pengertian kemerdekaan. | SK11.4.6 | Menerangkan kepentingan jati diri dalam pengisian kemerdekaan. | | | |
| | | S11.4.2 | Menerangkan persediaan menyambut pemasyhuran kemerdekaan. | SK11.4.7 | Menjelaskan rasa bangga tentang keunikan kemerdekaan negara kita. | | | |
| | | S11.4.3 | Menghuraikan detik-detik pemasyhuran kemerdekaan negara. | SK11.4.8 | Menghuraikan kepentingan mengekalkan kedaulatan negara. | | | |
| | | S11.4.4 | Menganalisis kesan kemerdekaan terhadap negara kita. | SK11.4.9 | Mentafsir kepentingan bersyukur dengan nikmat kemerdekaan. | | | |
| | | S11.4.5 | Menghuraikan prinsip kedaulatan Persekutuan Tanah Melayu. | | | | | |
| **12.** | **PENGUKUHAN KEDAULATAN NEGARA** | **12.1** | **Konsep Kedaulatan Negara** | **12.1** | **Konsep Kedaulatan Negara** | | | 16 jam |
| | | 12.1.1 | Menyatakan konsep kedaulatan. | K12.1.5 | Menerangkan kebijaksanaan dalam menghadapi cabaran mengekalkan kedaulatan negara. | | | |
| | | 12.1.2 | Menerangkan ciri-ciri negara berdaulat. | | | | | |

| Tajuk | | Standard Pembelajaran | | | | | | Peruntukan Masa |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Kandungan Asas | | Kandungan Tambahan | | Kandungan Pelengkap | | |
| | | 12.1.3<br><br><br>12.1.4 | Menjelaskan akan pentingnya mewujudkan negara berdaulat.<br>Menghuraikan langkah-langkah pemerintah dan rakyat dalam mempertahankan kedaulatan negara. | K12.1.6<br><br><br>K12.1.7<br><br><br><br><br>K12.1.8 | Menjelaskan kepentingan mengekalkan kedaulatan negara.<br>Mentafsir kepentingan menghormati kepelbagaian budaya dan agama dalam mengukuhkan perpaduan bangsa Malaysia.<br>Menghuraikan kepentingan menjiwai identiti negara. | | | |
| | | **12.2**<br><br>12.2.1<br><br>12.2.2<br><br><br>12.2.3<br><br>12.2.4 | **Perlembagaan Persekutuan**<br><br>Memerihalkan latar belakang sejarah perlembagaan negara.<br>Menerangkan sejarah penggubalan Perlembagaan Persekutuan.<br>Menjelaskan ciri-ciri utama Perlembagaan Persekutuan.<br>Menghuraikan pindaan Perlembagaan Persekutuan 1963 dan 1965. | **12.2**<br><br>K12.2.5<br><br><br>K12.2.6<br><br><br>K12.2.7 | **Perlembagaan Persekutuan**<br>Menerangkan kepentingan mendaulatkan perlembagaan negara.<br>Menjelaskan kepentingan mematuhi undang-undang dalam kehidupan.<br>Mentafsir kepentingan tanggungjawab rakyat dalam memelihara Perlembagaan Persekutuan. | | | |

| Tajuk | | Standard Pembelajaran | | | | | | Peruntukan Masa |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Kandungan Asas | | Kandungan Tambahan | | Kandungan Pelengkap | | |
| | | | | K12.2.8 | Menghuraikan kepentingan menjiwai semangat perlembagaan. | | | |
| | | **12.3** | **Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen** | **12.3** | **Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen** | | | |
| | | 12.3.1 | Memerihalkan latar belakang sistem pemerintahan beraja dan Demokrasi Berparlimen. | K12.3.6 | Menerangkan peranan raja dalam memakmurkan negara. | | | |
| | | 12.3.2 | Menerangkan sejarah dan kedudukan institusi Majlis Raja-Raja. | K12.3.7 | Menjelaskan kepentingan taat setia rakyat kepada pemerintah. | | | |
| | | 12.3.3 | Menjelaskan kedudukan serta kuasa Yang di-Pertuan Agong dan raja dalam Perlembagaan Persekutuan. | K12.3.8 | Menghuraikan kepentingan elemen utama demokrasi sebagai asas pemerintahan negara. | | | |
| | | 12.3.4 | Menghuraikan ciri dan amalan demokrasi serta pengasingan kuasa di peringkat persekutuan dan negeri. | K12.3.9 | Membahaskan kepentingan pengasingan kuasa dalam sistem demokrasi. | | | |
| | | 12.3.5 | Merumus keunikan amalan Demokrasi Berparlimen di negara kita. | | | | | |

| Tajuk | | Standard Pembelajaran | | | | | | Peruntukan Masa |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Kandungan Asas | | Kandungan Tambahan | | Kandungan Pelengkap | | |
| | | **12.4**<br><br><br>12.4.1<br><br><br>12.4.2<br><br><br>12.4.3<br><br><br>12.4.4 | **Sistem Persekutuan (Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri)**<br>Memerihalkan latar belakang Sistem Persekutuan di negara kita.<br>Menjelaskan bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan Negeri.<br>Menghuraikan bentuk kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri.<br>Menganalisis faktor-faktor yang mengukuhkan Sistem Persekutuan. | **12.4**<br><br><br>K12.4.5<br><br><br>K12.4.6<br><br><br>K12.4.7<br><br><br><br><br><br>K12.4.8 | **Sistem Persekutuan (Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri)**<br>Menerangkan kepentingan bermusyawarah dalam membuat keputusan.<br>Menjelaskan kepentingan mewujudkan pentadbiran yang sistematik.<br>Mentafsir kepentingan sikap kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dalam membangunkan negara.<br>Menghuraikan kepentingan memahami tanggungjawab rakyat dan pemimpin dalam membangunkan negara. | | | |
| **13.** | **PEMBENTUKAN MALAYSIA** | **13.1**<br>13.1.1 | **Gagasan Pembentukan**<br>Menyatakan konsep gagasan Malaysia. | **13.1**<br>K13.1.7 | **Gagasan Pembentukan**<br>Menerangkan kepentingan berfikiran strategik untuk berjaya dalam kehidupan. | | | 12 jam |

| Tajuk | | Standard Pembelajaran | | | | | | Peruntukan Masa |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Kandungan Asas | | Kandungan Tambahan | | Kandungan Pelengkap | | |
| | | 13.1.2<br><br><br>13.1.3<br><br><br><br><br>13.1.4<br><br>13.1.5<br><br><br><br>13.1.6 | Memerihalkan perkembangan idea dan usaha yang membawa kepada Pembentukan Malaysia.<br>Menerangkan reaksi penduduk tempatan dan negara jiran terhadap Pembentukan Malaysia.<br>Menjelaskan langkah-langkah Pembentukan Malaysia.<br>Menghuraikan kandungan Perjanjian Julai 1963 dan peristiwa Pengisytiharan Malaysia.<br>Menerangkan usaha-usaha menangani konfrontasi. | K13.1.8<br><br><br>K13.1.9<br><br><br><br>K13.1.10 | Menjelaskan kepentingan kesepakatan untuk kestabilan negara.<br>Menjelaskan sikap menerima dan meraikan idea serta pandangan yang berbeza.<br>Menghuraikan kepentingan sikap berwaspada terhadap anasir luar. | | | |
| | | **13.2**<br><br>13.2.1<br><br>13.2.2 | **Cabaran Selepas Pembentukan Malaysia**<br>Menerangkan cabaran selepas Pembentukan Malaysia.<br>Memerihalkan pemisahan Singapura daripada Persekutuan Malaysia. | **13.2**<br><br>K13.2.6<br><br><br>K13.2.7 | **Cabaran Selepas Pembentukan Malaysia**<br>Menerangkan kepentingan menyelesaikan konflik secara rundingan.<br>Menjelaskan kewibawaan pemimpin dalam | | | |

| Tajuk | | Standard Pembelajaran | | | | | | Peruntukan Masa |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Kandungan Asas | | Kandungan Tambahan | | Kandungan Pelengkap | | |
| | | 13.2.3<br>13.2.4<br>13.2.5 | Menerangkan usaha-usaha menangani ancaman komunis.<br>Menjelaskan langkah-langkah mengatasi isu pembangunan dan ekonomi.<br>Menghuraikan tragedi hubungan antara kaum. | K13.2.8<br>K13.2.9 | memperjuangkan maruah bangsa.<br>Menghuraikan kepentingan kestabilan politik dalam mengekalkan keamanan negara.<br>Membahaskan kepentingan menjaga keharmonian kaum. | | | |
| **14.** | **KEMAKMURAN NEGARA** | **14.1**<br>14.1.1<br>14.1.2<br>14.1.3<br>14.1.4 | **Membina Kesejahteraan Negara**<br>Menyatakan usaha-usaha perpaduan dan integrasi nasional.<br>Menerangkan pembentukan Dasar Pendidikan Kebangsaan.<br>Menjelaskan peranan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa perpaduan.<br>Menerangkan pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan. | **14.1**<br>K14.1.7<br>K14.1.8<br>K14.1.9<br>K14.1.10 | **Membina Kesejahteraan Negara**<br>Menerangkan kepentingan menjaga perpaduan dan keharmonian.<br>Menjelaskan peranan pemimpin dan rakyat dalam memastikan kemakmuran negara.<br>Menghuraikan kepentingan pendidikan untuk mengukuhkan perpaduan.<br>Membahaskan kepentingan menghayati Rukun Negara. | | | 12 jam |

| Tajuk | | Standard Pembelajaran | | | | | | Peruntukan Masa |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Kandungan Asas | | Kandungan Tambahan | | Kandungan Pelengkap | | |
| | | 14.1.5 | Menerangkan peranan sukan sebagai alat perpaduan. | | | | | |
| | | 14.1.6 | Merumuskan Rukun Negara sebagai tonggak kesejahteraan negara. | | | | | |
| | | **14.2** | **Membina Kemakmuran Negara** | **14.2** | **Membina Kemakmuran Negara** | | | |
| | | 14.2.1 | Menjelaskan pembentukan Dasar Ekonomi Baru. | K14.2.6 | Menerangkan kepentingan memahami dasar kerajaan kepada pembangunan negara. | | | |
| | | 14.2.2 | Menghuraikan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. | | | | | |
| | | 14.2.3 | Menjelaskan pembentukan Dasar Pembangunan Nasional. | K14.2.7 | Menjelaskan kepentingan pelibatan rakyat dalam pembangunan negara. | | | |
| | | 14.2.4 | Menghuraikan pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional. | K14.2.8 | Menjelaskan kepentingan menghargai harta awam. | | | |
| | | | | K14.2.9 | Menghuraikan kepentingan menjaga kelestarian alam sekitar. | | | |
| | | 14.2.5 | Merumus pencapaian Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional. | | | | | |

| Tajuk | | Standard Pembelajaran | | | | | | Peruntukan Masa |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Kandungan Asas | | Kandungan Tambahan | | Kandungan Pelengkap | | |
| **15.** | **MALAYSIA DI PERSADA DUNIA** | **15.1** | **Asas Pembinaan Dasar Luar Malaysia** | **15.1** | **Asas Pembinaan Dasar Luar Malaysia** | | | 16 jam |
| | | 15.1.1 | Memerihalkan latar belakang dasar luar Malaysia. | K15.1.5 | Menerangkan kepentingan memahami dasar luar negara. | | | |
| | | 15.1.2 | Menjelaskan asas penggubalan dasar luar negara. | K15.1.6 | Menjelaskan kepentingan kebijaksanaan dalam menguruskan dasar luar negara. | | | |
| | | 15.1.3 | Menghuraikan pelibatan Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). | K15.1.7 | Menghuraikan kepentingan mewujudkan hubungan harmonidengan negara luar. | | | |
| | | 15.1.4 | Menghuraikan penyertaan Malaysia dalam Komanwel. | K15.1.8 | Membahas kepentingan menghormati dasar luar sesebuah negara. | | | |
| | | **15.2** | **Pemantapan Dasar Luar Malaysia** | **15.2** | **Pemantapan Dasar Luar Malaysia** | | | |
| | | 15.2.1 | Memerihalkan cabaran mengukuhkan dasar luar Malaysia. | K15.2.5 | Menerangkan kepentingan kebijaksanaan dalam menguruskan hubungan luar. | | | |
| | | 15.2.2 | Menerangkan pelibatan Malaysia dalam Persatuan | | | | | |

| Tajuk | | Standard Pembelajaran | | | | | | Peruntukan Masa |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Kandungan Asas | | Kandungan Tambahan | | Kandungan Pelengkap | | |
| | | | Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN). | K15.2.6 | Menjelaskan kepentingan sikap prihatin dan peka terhadap isu antarabangsa. | | | |
| | | 15.2.3 | Menjelaskan pelibatan Malaysia dalam Pergerakan Negara-Negara Tanpa Pihak (NAM). | K15.2.7 | Menghuraikan kepentingan sikap berhati-hati dalam menghadapi cabaran. | | | |
| | | 15.2.4 | Menghuraikan pelibatan Malaysia dalam Persidangan Negara-Negara Islam (OIC). | K15.2.8 | Menghuraikan sikap kerjasama dalam mengekalkan keamanan dunia. | | | |
| | | **15.3** | **Kecemerlangan Malaysia di Persada Dunia** | **15.3** | **Kecemerlangan Malaysia di Persada Dunia** | | | |
| | | 15.3.1 | Memerihalkan pelibatan Malaysia dalam isu-isu global kontemporari. | K15.3.6 | Menerangkan kepentingan kebijaksanaan dalam menguruskan isu-isu global. | | | |
| | | 15.3.2 | Menerangkan peranan Malaysia dalam hubungan ekonomi antarabangsa. | K15.3.7 | Menjelaskan kepentingan sikap prihatin dan peka terhadap isu serantau. | | | |
| | | 15.3.3 | Menjelaskan pelibatan rakyat dalam isu kemanusiaan dan keamanan. | K15.3.8 | Menghuraikan kepentingan semangat kesukarelawanan dalam isu global. | | | |
| | | 15.3.4 | Menilai komitmen Malaysia dalam mengekalkan kelestarian global. | K15.3.9 | Menghuraikan sikap kerjasama dalam | | | |

| Tajuk | | Standard Pembelajaran | | | | | | Peruntukan Masa |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Kandungan Asas | | Kandungan Tambahan | | Kandungan Pelengkap | | |
| | | 15.3.5 | Menghuraikan wawasan Malaysia menuju masa hadapan. | | mengekalkan keamanan dunia. | | | |
| **Kajian Kes (2 Jam)**<br>Berdasarkan SK dan SP yang dipilih | | | | | | | | |

Cadangan untuk pelaksanaan kurikulum dengan masa minimum 64 jam:

1. Guru disarankan untuk memberikan penerangan ringkas berkaitan *overview/ big picture* kandungan kurikulum Sejarah Tingkatan 4 sebagai aktiviti pengukuhan selepas SK 11.4 selesai diajarkan kepada murid kemudian diikuti dengan penerangan ringkas berkaitan *overview/ big picture* keseluruhan kandungan kurikulum Sejarah Tingkatan 5 bagi membantu murid menguasai kronologi peristiwa sejarah negara yang akan dipelajari pada tahun semasa. *Power point* berkaitan *overview/ big picture* boleh dimuat turun dari laman sesawang BPK mulai Januari 2021.
2. SK 12.1 dan SK 12.2 boleh diajar sekali iaitu SK 12.2 menjadi penerangan lanjutan apabila SK 12.1 diajarkan kepada murid supaya murid mendapat gambaran keseluruhan bagi tajuk yang dipelajari dan memendekkan masa PdP (Pembelajaran Teradun: Pendekatan Modular, Pembelajaran Akses Kendiri, TMK dan lain-lain).
3. SK 12.3 dan SK 12.4 boleh diajar sekali iaitu SK 12.4 menjadi penerangan lanjutan apabila SK 12.3 diajarkan kepada murid supaya murid mendapat gambaran keseluruhan bagi tajuk yang dipelajari dan memendekkan masa PdP (Pembelajaran Teradun: Pendekatan Modular, Pembelajaran Akses Kendiri, TMK dan lain-lain).
4. SK 13.1 dan SK 13.2 serta SK 14.1 dan SK 14.2 perlu diajar mengikut kronologi supaya murid mendapat gambaran keseluruhan bagi tajuk yang dipelajari serta kesinambungan peristiwa difahami dengan jelas oleh murid. Cadangan peruntukan waktu 2-3 minggu (4-6 jam) bagi setiap SK.
5. SK 15.1 sehingga 15.3 boleh diajarkan sekali secara banding beza mengikut aspek asas pembinaan Dasar Luar Malaysia, pemantapan Dasar Luar Malaysia dan kecemerlangan Malaysia di persada dunia. Murid boleh melakukan tugasan (*Project Based*

<table>
<tr><th rowspan="2">Tajuk</th><th colspan="3">Standard Pembelajaran</th><th rowspan="2">Peruntukan Masa</th></tr>
<tr><th>Kandungan Asas</th><th>Kandungan Tambahan</th><th>Kandungan Pelengkap</th></tr>
<tr><td colspan="5">Learning) bagi SP 15.1.3, SP 15.1.4, SP 15.2.1 sehingga SP 15.2.4 seperti penghasilan buku skrap, folio, penulisan kreatif dan sebagainya (PBL, Pendekatan Modular dan Pembelajaran Teradun: Pendekatan Modular, Pembelajaran Akses Kendiri, TMK dan PBL) secara bersemuka (Big Picture kandungan asas diajarkan) dan secara tidak bersemuka (menghasilkan tugasan).<br>6. SK dan SP di atas juga boleh dipilih untuk dijadikan tajuk Kajian Kes (Project Based Learning) untuk mengaplikasikan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) serta Elemen Sivik dan Kemahiran Sejarah (K) (Pembelajaran Teradun: PBL, Pembelajaran Akses Kendiri, TMK dan lain-lain)<br>7. Guru dicadangan untuk melaksanakan Kajian Kes serentak dengan SK/ SP yang diajar untuk mempelbagaikan kaedah pelaksanaan PdP dan memendekkan masa pelaksanaan PdP bagi SK/SP yang sedang diajar.<br><br>*Guru boleh menambahbaik pelaksanaan kurikulum KSSM Sejarah Tingkatan 5 yang dicadangkan mengikut kesesuaian tahap penguasaan murid serta mengikut keadaan/ situasi/ isu yang dihadapi di peringkat sekolah.</td></tr>
</table>

Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
62604 Putrajaya
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917